

**“PROGRAM KEMPEN CEGAH ROKOK DAN VAPE”
TEKS UCAPANGURU BESAR**

Bismillahirrahmanirahim.Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Yang dihormati _____ (jemputan),
Yang berusaha _____

Guru-guru dan murid-murid yang disayangi sekalian.

1. Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, kita telah diberikan peluang untuk berkumpul bersama-sama pada pagi yang berbahagia ini.
2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan penghargaan kerana kita warga sekolah dapat bersama-sama mejayakan Pelancaran Kempen Hidup Sihat Cegah Rokok dan Vape peringkat sekolah 2023. Terima kasih kepada Ahli Jawatankuasa yang menjayaakan program hari ini.
3. Menurut Kamus Dewan, rokok ditakrifkan tembakau yang digulung dalam kertas atau daun nipah. Kini rokok boleh didapati dalam pelbagai bentuk. Sebagaimana yang kita sedia maklum, setiap tahun kempen anti rokok diadakan bagi memberikan kesedaran kepada para murid khususnya dan warga sekolah amnya tentang bahaya merokok pada kesihatan diri, orang sekeliling serta persekitaran kita dengan mewejudkan persekitaran yang sihat dan selamat. Selain kempen ini diharapkan dapat meningkatkan kesedaran masyarakat tentang amalan gaya hidup sihat dan rasa hormat perokok terhadap hak bukan perokok untuk mendapat udara yang bersih.
4. Di Malaysia , antara 10% hingga 12% kematian adalah kerana amalan merokok iaitu lebih 10, 000 kematian setahun. Pada tahun 2011, pecahan pengagihan merokok(Smoking Attributable Fraction, SAF) yang merangkumi jumlah kematian di Hospital Keajaan adalah 11,056 kematian keseluruhannya. Wabak Tembakau yang merebak seluruh duni membunuh hamper 6 juta orang setiap tahun. Lebih 600,00 adalah bukan perokok yang meninggal akibat pendedahan kepada asap rokok.
5. Langkah proaktif Kementerian Kesihatan Malaysia terhadap kempen anti merokok dan membebaskan negara daripada asap rokok ini lenih tegas lagi telah bermula pada tahun 2019 apabila penguatkuasaan larangan merokok ditempat awam

dikuatkuasakan. Maklumat tentang bahaya merokok juga telah dinyatakan dengan jelas pada kotak rokok. Lantaran itulah kempem ini harus dilaksanakan setiap tahun sebagai peringatan kepada semua khususnya murid-murid sekolah agar tidakterlibat dengan rokok dan menolak rokok dengan selogan “ katakana tak nak kepada rokok”.

Murid-murid yang dikasihi sekalian.

6. Pada masa kini cabaran terhadap tabiat merokok lebih besar apabila terhasilnya rokok elektronik yang para murid/pelajar tidak terkecuali daripada memilihnya. Terdapat bahan kimia di dalam rokok seperti nikotin yang kandungannya terdapat lebih 4000 bahan kimi beracun atau toksid dalam rokok yang dibebaskan dan boleh menyebabkan barah paru-paru. Nikotin dalam rokok boleh mengakibatkan gangguan mental kepada seseorang.

Murid-murid yang dikasihi

7. Jika anak-anak tidak mahu terlibat dengan najis dadah, rokok perlu dielakkan. Kemungkinan perokok terlibat dengan dadah adalah tinggi. Derita penagih dadah akan ditanggung seumur hidup. Antara tanda awal yang dikesan pada murid/pelajar terlibat dengan dadah ialah sering ponteng sekolah, pretasi akademik merosot, mata merah, sering mengantuk didalam kelas dan sering ke tandas. Banyak masalah social lain yang akan timbul akibat terlibat dengan najis dadah. Mula-mula mereka hanya membohogi ibu bapa dan mencuri. Malahan ada yang akan berindakn ganas sehingga sanggup membunuh. Kita selalu melihat dan mendengar kes-kes sebegini yang dipaparkan dalam media massa.
8. Sehubungan dengan itu, pihak sekolah telah merangka program dan peraturan bagi membantu murid/pelajar mengetahui tentang bahaya merokok serta kesan buruk yang dialami. Pihak sekolah akan terus berusaha untuk memastikan murid-murid tidak terlibat dengan rokok agar dapat membantu negara mengatasi masalah ini. Kepada murid yang ditangkap terlibat dengan rokok, hukuman berat akan dikenakan. Oleh itu jauhan diri daro rokok kerana akibatnya sangat teruk.
9. Dengan pesanan itu tadi, dengan lafas “ Bismillahnirahmanirahim”.. saya merasmikan Program Kempen Hidup Sihhat Cegah Rokok dan Vape’ peringkat sekolah 2023.

Saya sudah dengan wabillahi taufik walhidayah wassalamualikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.